

## **020 KEMAHIRAN WAQF DAN IBTIDA' DALAM KALANGAN PELAJAR PROGRAM SARJANA MUDA AL-QURAN DAN AL- QIRAAT (PSMAA) DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR (KUIS)**

**Muhammad Syafee Salihin bin Hasan ,Khairatul Akmal Ab Latif, Mahmud Lutfi bin  
Abd. Hadi ,Ahmad Shahir Masdan**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor

### **ABSTRAK**

*Waqt* dan *ibtidā'* merupakan salah satu ilmu penting dalam pengajian dan pembelajaran bagi kursus al-Quran. Penguasaan secara mendalam dalam bidang ini menjadi kemestian kepada setiap orang yang ingin memahami dan menghayati al-Quran. Permasalahan kajian ini ialah tahap penguasaan para pelajar berkaitan konsep *waqt* dan *ibtidā'* amat membimbangkan dan dikhuatiri memberi kesan kepada makna ayat al-Quran. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap penguasaan konsep *waqt* dan *ibtidā'* dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat (PSMAA) di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Kajian ini berbentuk kuantitatif dan dianalisis secara deskriptif. Responden melibatkan serama 26 pelajar. Dapatan kajian menunjukkan pelajar memahami berkaitan dengan tahap penguasaan konsep dalam *waqt* dan *ibtidā'* dengan mendapati bahawa jawapan yang betul dan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak 70% melebihi daripada tahap minimum penguasaan iaitu 50% sebagai kayu akur terhadap penguasaan mereka. Dengan ini dapat disimpulkan bahawa majoriti pelajar PSMAA menguasai konsep *waqt* dan *ibtidā'* dan cara untuk mempraktikkannya semasa mereka membaca dan berinteraksi dengan al-Quran.

Kata kunci : *Waqt* dan *ibtidā'*, penguasaan pelajar, program Sarjana Muda Al-Quran Dan Al-Qiraat (PSMAA).

### **PENDAHULUAN**

*Waqt* dan *ibtidā'* merupakan salah satu ilmu terpenting dalam pengajian al-Quran. Penguasaan dalam ilmu ini menjadi kemestian kepada setiap orang yang ingin memahami

dan menghayati kesucian al-Quran. Mempelajari dan menguasai ilmu *waqf* dan *ibtidā'* ini sangat dituntut kerana kelemahan dalam pemahaman ilmu ini, menyebabkan *qari* dan *qariah* akan berhenti pada kalimah dengan sesuka hati dan memulakan bacaan mengikut kehendak sendiri tanpa melihat kepada keadaan ayat tersebut samada sesuai atau pun tidak. Implikasinya adalah akan merosakkan kesucian dan kemurnian Al-Quran.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan bagi setiap orang mempelajari dan memahami kesemua kaedah dan metode ilmu tajwid, terutamanya dalam bidang *waqf* dan *ibtidā'* sebagaimana amalan yang dilakukan oleh Rasulullah S.A.W mengajar para sahabat menyebut dan membaca ayat-ayat suci al-Quran sepetimana baginda menerima bacaan tersebut daripada Jibril A.S (Abu Amru al-Dani 1987).

## **KEPENTINGAN WAQF DAN IBTIDĀ'**

Ilmu *waqf* dan *Ibtidā'* merupakan suatu ilmu yang sangat penting kepada setiap pembaca al-Quran. Mempelajari kaedah tatabahasa arab adalah wajib bagi seseorang yang ingin membaca kitab-kitab berbahasa arab, begitulah kedudukan mempelajari ilmu *al-waqf* dan *al-Ibtidā'* adalah wajib bagi seseorang pembaca al-Quran. Ilmu *waqf* dan *ibtidā'* ini berperanan menjaga keelokan bacaan supaya menepati bacaan yang diajar Jibril kepada Rasulullah S.A.W serta memelihara dan menjaga maksudnya. Peraturan ini berasaskan firman Allah S.W.T supaya membaca al-Quran itu dengan *tartil* iaitu Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Muzzammil ayat 4 :

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِّلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا

Maksud :

Atau lebih dari seperdua itu, dan bacalah al-Quran itu dengan *tartil*.

Saidina <sup>c</sup>Ali R.A menjelaskan bahawasanya *tartil* itu ialah mencantikkan sebutan huruf dan mengetahui tempat-tempat berhenti (al-Ashmuni 1973). Sekiranya berlaku kecuaian dalam *waqf* dan *ibtidā'* akan menyebabkan makna ayat al-Quran tidak dapat dihayati dengan sebaiknya, sedangkan penghayatan kepada setiap isi-isi ayat itu adalah sangat dituntut.

## **DEFINISI WAQF DAN IBTIDĀ'**

### ***Waqf***

*Al-Waqf* berasal dari perkataan (وقف - يَقْفُ - وَقَفَا ) bererti memberhentikan atau berdiri tegak (Hussain bin Unang 1994). Menurut Lisān al-‘Arab (Ibn Manzūr 1995) *waqf* bermaksud berhenti iaitu berdiri untuk duduk. Menurut istilah ilmu Tajwid pula, *al-waqf* ialah satu disiplin ilmu yang memperkenalkan cara-cara mempersempahkan bacaan dengan menghentikan bacaan pada tempat-tempat yang ada dalil yang ditetapkan oleh imam-imam bacaan untuk menyempurnakan makna al-Quran (Abi Amru al-Dani 1987). Menurut Raudat Jamāl al-Ḥaṣrī (2005) *waqf* adalah bertujuan mencantikkan bacaan pembaca, menyampaikan dan memahamkan pendengar supaya mengetahui maksud perkataan yang berlainan serta hukum-hukum di dalam al-Quran.

### ***Ibtidā'***

*Al-Ibtidā'* berasal daripada perkataan (يَبْتَدِأ - إِبْتِدَا ) yang membawa maksud memulakan atau permulaan (Hussain bin Unang 1994). Menurut istilah ilmu tajwid, *ibtidā'* ialah menyambung pembacaan semula sesudah menghentikan bacaan untuk bernafas (Abd Kadir Leong 1994). Menurut Ishak bin Abbas (1988) *ibtidā'* ialah memulakan bacaan ayat al-Quran pada awal kalimah di dalam al-Quran. Manakala Imam Abu Amru al-Dani (1987) menjelaskan bahawa *ibtidā'* adalah memperkenalkan cara-cara mempersempahkan bacaan dengan memulakan bacaan pada tempat-tempat tertentu yang tidak merosakkan ayat al-Quran.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kewajipan mengetahui *waqf* dan *ibtidā'* sangat penting kerana ilmu ini amat berkait rapat dengan pemahaman makna atau tafsir ayat al-Quran. Seseorang yang melakukan kesilapan

dalam menentukan *waqf* dan *ibtidā'* pada ayat al-Quran akan mendatangkan implikasi negatif dalam memahami ayat al-Quran.

Shaharudin Pangilun (2005) mengatakan bahawa kebanyakan para pelajar kurang memahami kaedah-kaedah *waqf* dan *ibtidā'* dalam pembacaan al-Quran. Meskipun mereka memiliki kefasihan bacaan, namun kesalahan dalam memilih tempat *waqf* dan *ibtidā'* sering berlaku sepetimana yang dinyatakan oleh al-Ansari (2002) dalam kitab al-Muqsid. Malah kesalahan tersebut amat membimbangkan kerana menyebabkan pemahaman yang menyimpang dari makna sebenar.

Oleh yang demikian, menjadi rangsangan kepada pengkaji untuk mengkaji dengan lebih lanjut tentang kemahiran para pelajar dalam ilmu *waqf* dan *ibtidā'* terutama para pelajar yang terlibat secara langsung dengan program tahfiz al-Quran. Diharapkan kajian ini akan dapat memberi sedikit sumbangan dan maklumat kepada para pembaca Islam Malaysia dalam memperkasakan mutu bacaan al-Quran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian deskriktif ini akan melibatkan beberapa huraian data berbentuk kekerapan, peratus dan min yang menggunakan Perisian SPSS versi 20. Responden kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang sedang mengikuti (PSMAA) di KUIS. Data-data yang diperolehi melalui kaedah kajian lapangan yang melibatkan pengedaran set soalan soal selidik kepada para responden terbabit seramai 30 orang. Namun terdapat hanya 26 sahaja borang soal selidik yang lengkap telah mendapat maklum balas positif daripada responden. Ini bermakna seramai 87% daripada keseluruhan jumlah pelajar yang menjawab soalan soal selidik yang diedarkan.

Dalam kajian ini skala likert digunakan untuk menetukan pilihan para responden ketika menjawab set soal selidik yang dibekalkan. Skala likert tersebut mewakili 5 pilihan iaitu 1) Sangat Tidak Setuju, 2) Tidak Setuju, 3) Tidak Pasti, 4) Setuju dan 5) Sangat Setuju.

Terdapat 10 soalan soal selidik dalam kajian ini yang terdiri daripada 1) Mempelajari *waqf* dan *Ibtidā'* adalah *fardhu kifayah*, manakala mengamalkannya adalah *fardhu 'ain*. 2)

*Al-Waqf* bermaksud memberhentikan bacaan seketika dan berazam untuk meneruskan pembacaan. 3) *Al-Sakta* adalah menghentikan bacaan seketika tanpa mengambil nafas dan meneruskan bacaan berikutnya. 4) Sesuatu *waqf* itu dianggap sempurna jika pembaca al-Quran memberhentikan bacaan pada ayat yang sempurna makna dan lafaz. 5) *Idtirari, Ikhtibari, Intizari, Ikhtiyari* merupakan pembahagian daripada bahagian *waqf*. 6) *Tamm, Kafi, Hasan, Qabih* adalah pembahagian daripada pembahagian *ibtidā'*. 7) *Waqt Ittirari* iaitu memberhentikan bacaan kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti tersesak nafas, terbatuk dan lain-lain. 8) *Ibtidā'* terbahagi kepada dua iaitu *al-Jaiz* dan *ghayr al-Jaiz*. 9) *Ibtidā' hasan* adalah memulakan bacaan pada kalimah yang terikat dengan lafaz dan makna dengan kalimah sebelumnya. 10) "صلی، قلی، م، ج" merupakan tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam al-Quran.

## KAJIAN LITERATUR

Pengkaji telah membuat kajian terhadap bahan-bahan bertulis seperti artikel dan jurnal yang berkaitan dengan kajian ini. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa kajian ini bersifat terkini dan masih belum dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain secara khusus dalam bab yang di kaji oleh pengkaji. Walaubagaimanapun terdapat beberapa kajian terdahulu yang sedikit sebanyak berkaitan secara tidak langsung dengan kajian ini.

Shaharudin Pangilun (2005) yang bertajuk Kemahiran *waqf* dan *ibtidā'*. "Kajian Terhadap Guru-Guru Al-Quran Di Daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan". Di dalam kajian tersebut, beliau telah membicarakan dan membincangkan tentang konsep *waqf* dan *ibtidā'*, sejarah perkembangan dan metodologinya. Beliau juga membahaskan adakah latar belakang pendidikan mempengaruhi tahap penguasaan dan kemahiran *waqf* dan *ibtidā'* di kalangan guru-guru al-Quran. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru al-Quran yang menguasai bahasa arab adalah lebih baik daripada guru al-Quran yang tidak memahami bahasa arab. Walaubagaimanapun, kajian ini hanya memfokus kepada guru al-Quran di daerah Hulu Langat yang merupakan responden dalam kajianya tanpa memberi tumpuan kepada kemahiran para imam dalam ilmu *waqf* dan *ibtidā'*.

Pengetahuan dan Kemahiran Hukum-Hukum *Waqaf* Dan *Ibtidā'* : Kajian Di Kelas Tafaqquh Masjid Negara oleh Ashraf bin Ismail pada tahun 2005. Kajian tersebut bertujuan

untuk menilai pengetahuan dan kemahiran pelajar membaca ayat-ayat al-Quran yang mengandungi hukum-hukum *Waqf* dan *Ibtidā'*. Sebanyak 8 ayat yang mewakili keseluruhan ayat yang mengandungi hukum-hukum *Waqf* dan *Ibtidā'* telah dipilih. Selain dari menguji pengetahuan pelajar-pelajar mengenai hukum-hukum *Waqf* dan *Ibtidā'*, di dalam kajian tersebut penulis telah melakukan penilaian kemahiran pelajar-pelajar membaca ayat-ayat al-Quran secara individu yang melibatkan seramai 60 orang pelajar kelas Tafaqquh dari Masjid Negara Kuala Lumpur. Namun kajian tersebut hanya menilai pengetahuan para pelajar dalam ilmu *waqf* dan *ibtidā'* sahaja dan berbeza dengan kajian dilakukan oleh pengkaji yang membincangkan faktor-faktor kesalahan dalam *waqf* dan *ibtidā'* dalam kalangan para imam serta praktikal bacaan mereka berdasarkan kemahiran mereka dalam *waqf* dan *ibtidā'*.

**Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Kaedah *Waqaf*: Kajian Terhadap Ayat 25, 26 dan 85 dari Surah Al-Baqarah** oleh Abd Rauf bin Hassan pada tahun 2013. Objektif kajian tersebut adalah untuk mengetahui faktor kecenderungan responden dalam melakukan *waqf*, pengaruh bahasa Arab dan menghurai keperluan penggunaan bahasa arab dalam bacaan *waqf*. Kajian tersebut menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan tujuh sampel yang mempunyai pengetahuan dalam bahasa arab. Pengumpulan data dilakukan melalui rakaman yang merangkumi bacaan ayat al-Quran terpilih dan temu bual. Data rakaman kemudiannya ditranskripsi, dianalisis dan dihurai secara deskriptif. Walaubagaimanapun kajian tersebut lebih memfokuskan terhadap aspek penguasaan bahasa arab sebagai pelengkap dalam menentukan *waqf* dan kecenderungan responden melakukan *waqf* dan *ibtidā'*, tetapi tidak membincangkan secara khusus konsep dan disiplin asas dalam ilmu *waqf* dan *ibtidā'*.

## **PROFILE RESPONDEN KAJIAN**

Daripada jawapan soal selidik yang di peroleh pada bahagian frofile responden di dapati seramai 13 lelaki dan 13 perempuan. Manakala tahun pembelajaran responden pula seramai 17 orang di tahun pertama, tahun kedua seramai 3 orang responden dan tahun ketiga seramai 6 orang responden. Secara puratanya umur responden (PSMAA) ini adalah di antara 20 – 26 tahun. Dari sudut penguasaan bahasa arab pula seramai 18 orang responden menguasai dengan sederhana dan 8 orang responden pula lemah dalam penguasaan bahasa arab.

## **PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Berikut adalah hasil kajian dan rumusan yang diperolehi daripada jawapan pelajar (PSMAA) berkaitan dengan penguasaan konsep dalam *waqf* dan *ibtidā’*.

**Jadual 1: Dapatan kajian berkaitan dengan penguasaan konsep dalam *waqf* dan *ibtidā’***

<b>Bil</b>	<b>Variable</b>	<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
		<b>f/%</b>	<b>f/%</b>	<b>f/%</b>	<b>f/%</b>	<b>f/%</b>
1	Mempelajari <i>waqf</i> dan <i>Ibtidā’</i> adalah <i>fardhu kifayah</i> , manakala mengamalkannya adalah <i>fardhu ‘ain</i> .	0/0%	1/3.8%	2/7.6%	10/38.4%	13/50%
2	<i>Al-Waqf</i> bermaksud memberhentikan bacaan seketika dan berazam untuk meneruskan pembacaan.	2/7.6%	6/23%	3/11.5%	9/34.6%	6/23%
3	<i>Al-Saktah</i> adalah menghentikan bacaan seketika tanpa mengambil nafas dan meneruskan bacaan berikutnya.	0/0%	1/3.8%	0/0%	15/57.6%	10/38.4%
4	Sesuatu <i>waqf</i> itu dianggap sempurna jika pembaca al-Quran memberhentikan bacaan pada ayat yang sempurna makna dan lafaz.	2/7.6%	1/3.8%	6/23%	12/46.2%	5/19.2%
5	<i>Idtirari, Ikhtibari, Intizari, Ikhtiyari</i> merupakan pembahagian daripada bahagian <i>waqf</i> .	1/3.8%	1/3.8%	7/26.9%	12/46.2%	5/19.2%
6	<i>Tamm, Kafi, Hasan, Qabih</i> adalah pembahagian daripada pembahagian <i>ibtidā’</i> .	0/0%	2/7.6%	4/15.3%	10/38.4%	10/38.4%
7	<i>Waqf Ittirari</i> iaitu memberhentikan bacaan	0/0%	1/3.8%	5/19.2%	14/53.8%	6/23%

	kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti tersesak nafas, terbatuk dan lain-lain.					
8	<i>Ibtidā'</i> terbahagi kepada dua iaitu <i>al-Jaiz</i> dan <i>ghayr al-Jaiz</i> .	0/0%	0/0%	2/7.6%	12/46.2%	12/46.2%
9	<i>Ibtidā' hasan</i> adalah memulakan bacaan pada kalimah yang terikat dengan lafaz dan makna dengan kalimah sebelumnya.	2/7.6%	2/7.6%	4/15.3%	12/46.2%	7/26.9%
10	" <i>صلى، قلى، م، ح</i> " merupakan tanda-tanda <i>waqf</i> yang terdapat di dalam al-Quran.	0/0%	6/23%	5/19.2%	11/4.2%	4/15.6%
		0.7/2.69%	2.1/8.07%	3.8/14.6%	11.6/44.6%	7.8/30%

Sumber : Soal Selidik, 2014

## HURAIAN

Melalui data yang di peroleh daripada jawapan pelajar dalam item konsep berkaitan *waqf* dan *ibtidā'*, secara umumnya menunjukkan purata sebanyak 0.7 pelajar yang telah menjawab sangat tidak setuju dengan purata peratus antara 2.69%, 2.1 pelajar yang telah menjawab tidak setuju dengan purata peratus 8.07%, 3.8 pelajar yang menjawab tidak pasti dengan purata peratus 14.6%, 11.6 pelajar telah menjawab setuju dengan purata peratus 44.6% dan 7.8 pelajar menjawab sangat setuju dengan purata 30%.

Jawapan sangat tidak setuju terbanyak di peroleh daripada item nombor 2 (*Al-Waqf* bermaksud memberhentikan bacaan seketika dan berazam untuk meneruskan pembacaan), nom 4 (Sesuatu *waqf* itu dianggap sempurna jika pembaca al-Quran memberhentikan bacaan pada ayat yang sempurna makna dan lafaz.), dan nombor 9 (*Ibtidā' hasan* adalah memulakan bacaan pada kalimah yang terikat dengan lafaz dan makna dengan kalimah sebelumnya.) dengan jumlah seramai 2 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 7.6%, kemudian di ikuti pula dengan item nombor 5

(*Idtirari, Ikhtibari, Intizari, Ikhtiyari* merupakan pembahagian daripada bahagian *waqf*) dengan jumlah seramai seorang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang menyamai sebanyak 3.8%.

Seterusnya jawapan tidak setuju tertinggi di peroleh daripada item nombor 2 (*Al-Waqf* bermaksud memberhentikan bacaan seketika dan berazam untuk meneruskan pembacaan) dan nombor 10 ( "صلی، فلی، م، ج" merupakan tanda-tanda *waqf* yang terdapat di dalam al-Quran ) dengan jumlah seramai 6 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 23%, kemudian di ikuti pula dengan item nombor 6 (*Tamm, Kafi, Hasan, Qabih* adalah pembahagian daripada pembahagian *ibtidā'* ) dan nombor 9 (*Ibtidā' hasan* adalah memulakan bacaan pada kalimah yang terikat dengan lafadz dan makna dengan kalimah sebelumnya ) dengan jumlah seramai 2 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 7.6%.

Berikutnya jawapan tidak pasti yang tertinggi di peroleh daripada item nombor 5 (*Idtirari, Ikhtibari, Intizari, Ikhtiyari* merupakan pembahagian daripada bahagian *waqf* ) dengan jumlah seramai 7 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 26.9%, seterusnya di ikuti pula dengan item bernombor 4 (Sesuatu *waqf* itu dianggap sempurna jika pembaca al-Quran memberhentikan bacaan pada ayat yang sempurna makna dan lafadz) dengan jumlah seramai 6 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 23%.

Jawapan setuju yang tertinggi pula di peroleh daripada item bernombor 3 (*Al-Saktah* adalah menghentikan bacaan seketika tanpa mengambil nafas dan meneruskan bacaan berikutnya ) dengan jumlah seramai 15 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang menyamai sebanyak 57.6%. Manakala item bernombor 7 (*Waqf Ittirari* iaitu memberhentikan bacaan kerana sebab-sebab tertentu yang tidak dapat dielakkan seperti tersesak nafas, terbatuk dan lain-lain ) merupakan jawapan setuju kedua tertinggi dengan jumlah 14 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang menyamai sebanyak 53.8%.

Manakala jawapan sangat setuju yang tertinggi pula di peroleh daripada item 1 (Mempelajari *waqf* dan *Ibtidā'* adalah *fardhu kifayah*, manakala mengamalkannya adalah *fardhu 'ain*) iaitu berjumlah seramai 13 orang daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang mewakili sebanyak 50%, berikutnya diikuti dengan item bernombor 8 (*Ibtidā'* terbahagi kepada dua iaitu *al-Jaiz* dan *ghayr al-Jaiz*) iaitu seramai 12 daripada 26 orang responden yang telah menjawab jawapan yang sama yang menyamai sebanyak 46.2%.

## **PENUTUP**

Secara kesimpulannya, pelajar dikira memahami faktor-faktor ketidakpatuhan dalam *waqf* dan *ibtidā'* sekiranya jawapan betul mereka melebihi 50%. Manakala sekiranya jawapan mereka salah melebihi 50%, mereka dikira tidak memahami faktor-faktor ketidakpatuhan dalam *waqf* dan *ibtidā'*. Dapatan kajian menunjukkan pelajar memahami berkaitan dengan faktor-faktor ketidakpatuhan dalam *waqf* dan *ibtidā'*. Ini berdasarkan daripada jawapan responden yang menepati dengan jawapan yang betul dengan jumlah peratus keseluruhan adalah sebanyak 70% melebihi daripada tahap minimum kefahaman iaitu 50% sebagai kayu akur terhadap kefahaman mereka.

## **CADANGAN DAN SARANAN**

Daripada kesimpulan yang diperolehi kearah penambahbaikan terhadap pemahaman konsep *waqf* dan *ibtidā'* telah diajukan, antaranya ialah :

1. Melaksanakan program talaqqi dan musyafahah dengan guru-guru al-Quran yang bertauliah samada dilaksanakan secara individu ataupun berkumpulan.
2. Mengadakan kelas-kelas tajwid terbuka serta memberi penekanan khusus dalam bab *waqf* dan *ibtidā'*.
3. Mengadakan program berkaitan kepentingan ilmu *waqf* dan *ibtidā'* dan kesannya kepada pembacaan al-Quran.

## **RUJUKAN**

Abd Kadir Leong 1994, Tajwid al-Quran Rasm Uthmani. Kuala Lumpur. Pustaka Salam.

Abd Raof bin Hassan. 2013. Artikel *Pengaruh Bahasa Arab Terhadap Kaedah Waqaf: Kajian Terhadap Ayat 25, 26 Dan 85 Dari Surah Al-Baqarah*, Serdang: Fakulti Bahasa Moden, UPM.

Abu Amr al-Dani, (1082), Yusuf Abd al-Rahman (pnyt.) 1987/1407H. *Al-Muktafa fi al-Waqf wa al-Ibtida'*. Ed. Ke-2. Beirut: Al-Muasasah al-Risalah.

Ahmad bin Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Karim Al-Asymuni. 1973 *Manar al-Huda fi Bayan al-Waqf wa al-Ibtida'*. Ed. Ke-2 . Mesir.

Ashraf bin Ismail. 2005. *Pengetahuan Dan Kemahiran Hukum-Hukum Waqaf Dan Ibtida' : Kajian Di Kelas Tafaqquh Masjid Negara*, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Hussain bin Unang 1994, Kamus al-Tullab Arab-Melayu, Kuala Lumpur. Darul Fikr.

Ibn Manzūr 1995, Lisān al-Arab.

Ishak bin Abbas (1988), Memahami Tajwid dan Tartil al-Quran, Kuala Lumpur. Penerbit Seri Kota.

Khalil al-Husori ( 2002 ) *Ma<sup>c</sup>alim al-Ihtida' ila ma<sup>c</sup>rifah al-Wuquf wa al-Ibtida'*. Qaherah : Maktabah Sunnah.

Musa<sup>c</sup>id bin Sulaiman. 143IH/2012. *Wuquf al-Quran wa atharuha fi al-Tafsir*. Arab Saudi: Mujamma<sup>c</sup> al-Malik Fahd li Thaba<sup>c</sup>at al-Mushaf al-Syarif.

Rauḍat Jamāl al-Ḥaṣrī, Dr (2005). *Al-Manhal al-Muṣīd fī Uṣūl al-Qirā'at wa al-Tajwīd*. Dimashq: Dār al-Kalām al-Ṭayyib.

Shaharudin Pangilun. 2005. *Kemahiran waqf dan ibtida'*. "Kajian terhadap guru-guru al-Qur'an di daerah Kuala Langat, Selangor Darul Ehsan". Kajang: Kolej Universiti Islam Selangor.